

22/07/2002

Naza Kia labur RM50j buka pusat servis, alat ganti

Nadzim Ahmad Jamalludin

NAZA Kia Sdn Bhd (Naza Kia) pemegang francais dan pengedar kereta keluaran Kia dari Korea Selatan akan melabur lebih RM50 juta membuka 19 lagi pusat servis dan alat ganti (3S) di seluruh negara menjelang 2005.

Ketika ini, tiga pusat seumpama itu yang sudah beroperasi ialah di Setapak membabitkan perbelanjaan bernilai RM10 juta, Puchong (RM8 juta) dan Selayang (RM8 juta).

Pengarah Eksekutif Naza Kia, Datuk Sheikh Mohamad Shalahuddin Sheikh Mohd Amin, berkata pihaknya memberikan keutamaan kepada penyediaan 3S selaras dengan identiti Kia yang memberi kepuasan kepada pelanggan.

Beliau berkata, antara kawasan yang diberi tumpuan untuk penyediaan 3S ialah Ipoh, Pulau Pinang, Alor Star, Johor Bahru dan Negeri Sembilan.

"Pendekatan komited terhadap kepuasan pelanggan adalah satu daripada strategi utama yang diberi perhatian oleh Naza Kia dalam hasrat menjadi pengedar utama kenderaan bukan buatan tempatan pada 2005," katanya kepada wartawan Malaysia selepas menghadiri Konvensyen Pengedar Kia bagi rantau Asia Pasifik di Sydney, Australia baru-baru ini.

Konvensyen dua hari itu dihadiri lebih 30 pengedar Kia dari Asia Pasifik termasuk Malaysia, Indonesia, Brunei, Thailand, Singapura, Filipina, Australia dan New Zealand.

Pada majlis sama, Naza Kia yang sudah terbabit selama lebih 23 tahun dalam perniagaan mengimport dan menjual kereta menerima anugerah 'Overall Facilities Improvement'.

Selain mengikuti penerangan mengenai strategi mengenai pemasaran kenderaan Kia, peserta yang menghadiri konvensyen itu juga diberi taklimat mengenai dua model baru Kia iaitu Sorento dan Carens versi baru.

Sorento, kenderaan sports utiliti (SUV) dengan dua versi iaitu 3.5 liter V6 dan 2.5 liter diesel akan dilancarkan di Langkawi, Oktober ini.

Sementara itu, Kia Carens versi baru, kenderaan pelbagai guna (MPV) yang sudah diubah suai di beberapa bahagian pula dijangka diperkenalkan ke pasaran pada Ogos.

Tahun lalu, Naza Kia menjual 5,072 unit membabitkan semua tujuh model keluaran Kia manakala tahun ini, jualan dijangka meningkat sehingga 11,400 unit.

Menjelang 2005, syarikat mensasarkan untuk mencapai jualan mencecah lebih 31,000 unit.

Dengan pembukaan kilang pemasangan Kia di negara ini tidak lama lagi, Naza Kia menjangka dapat mengeluarkan 20,000 unit setahun sebelum ditingkatkan kepada 50,000 unit setahun.

Sementara itu, difahamkan, Naza Kia kini pada peringkat akhir mengenal pasti tapak bagi pembinaan kilang untuk pemasangan kenderaan Kia di negara ini.

Mei lalu, Naza Kia menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Kia Motor Corporation (KMC) di Korea Selatan bagi mengadakan usaha sama untuk membina kemudahan pemasangan kilang berkenaan.

Menerusi MoU yang disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Naza Kia akan menjadi pengedar bagi beberapa komponen dan peralatan model tertentu keluaran KMC bagi Asia Pasifik.